

**Bersih 3.0: Juruteknik Diperintah Bela Diri Cederakan Wartawan Dan Polis  
Bernama  
30 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Seorang juruteknik Selasa diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini terhadap tiga pertuduhan termasuk mencederakan seorang wartawan stesen TV AlHijrah ketika mengambil bahagian dalam perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April tahun lepas.

Hakim Mahmud Abdullah membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Mohd Safuan Mamat@Nordin, 26, di akhir kes pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 14 Jun untuk Mohd Safuan membela diri selepas peguam Mohd Fikah Sanusi memaklumkan anak guamnya itu memilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

Bagi pertuduhan pertama Mohd Safuan didakwa merosakkan kenderaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan kon semasa mengambil bahagian dalam rusuhan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini pada 3.50 petang, 28 April 2012.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 440 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan boleh didenda.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menggunakan kekerasan dengan menandatangani kecederaan terhadap Konstabel Mohamad Kamil Paiman ketika perhimpunan itu pada masa dan di tempat sama mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda, atau kedua-duanya.

Dia juga didakwa menyebabkan kecederaan terhadap wartawan stesen TV AlHijrah Mohd Azri Mohd Salleh, 29, pada masa dan di tempat yang sama, mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Haffiza Jemali telah memanggil 11 saksi untuk memberi keterangan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946320>